

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BT. ALUAI
(TANGGA BATU)**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah operasi serbuan penempatan rumah kongsi warga asing kerap kali dilakukan dan kenapa tidak majikan yang ditahan dan disoal siasat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan operasi atau pemeriksaan di penempatan-penempatan rumah kongsi warga asing selaras dengan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 bagi mengekang aktiviti perlindungan dan penggajian pendatang asing tanpa izin (PATI) di kawasan-kawasan tapak pembinaan, kilang dan juga perladangan.

Kesalahan menggaji PATI adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 yang boleh dikenakan hukuman tidak kurang

RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang PATI yang diambil bekerja. Bagi majikan yang menggaji PATI lebih dari 5 orang boleh dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 634 operasi di rumah kongsi/tapak pembinaan. Seramai 14,659 orang warga asing telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut seramai 4,852 orang PATI serta 62 orang majikan telah ditangkap. Bagi tahun 2021 iaitu sehingga 7 Oktober 2021, sebanyak 300 operasi telah dilaksanakan di rumah kongsi/tapak pembinaan. Seramai 6,449 orang warga asing telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut seramai 2,439 orang PATI serta 20 orang majikan telah ditangkap.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Malaysia turut mengadakan operasi bersepadu bagi memastikan pematuhan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 oleh majikan-majikan yang menggaji pekerja asing. Di samping itu juga, langkah mengadakan operasi dan pemeriksaan ditempat-tempat ini adalah bagi mengekang penularan wabak COVID-19 ekoran keadaan penempatan/rumah pekerja yang tidak sesuai untuk didiami dan berisiko menjadi punca kepada penularan wabak COVID-19.